

---

# PENGISYTIHARAN GLOBAL MENGENAI KEADILAN BERSAMA KANAK-KANAK

20 November 2021

---

Kongres dunia 2021 mengenai Keadilan Bersama Kanak-Kanak

Telah Menghimpunkan seramai 4800 peserta merentas generasi, daripada 100 buah negara bermula 15 November sehingga 20 November 2021, menerusi platform atas talian, dengan tema “Memastikan Akses kepada keadilan untuk semua kanak-kanak tanpa diskriminasi dan inklusi”

*Telah dianjurkan oleh Inisiatif Global mengenai Keadilan untuk Kanak-Kanak (konsortium Terre des hommes, Reformasi Penal Antarabangsa Persatuan Hakim dan Majistret Belia dan Keluarga Antarabangsa, dan Institut Antarabangsa untuk Hak Kanak-kanak) dianjurkan oleh Mahkamah Keadilan Persekutuan Mexico, dengan sokongan teknikal daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Tabung Kanak-kanak, Pejabat Perwakilan Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Setiausaha Agung Keganasan Terhadap Kanak-Kanak, Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Dadah dan Jenayah, Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia, Organisasi untuk Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi, dan Pathfinders for Peaceful, Just and Inclusive Society; di bawah naungan Majlis Eropah dan Parlimen Eropah; dengan sokongan pro bono daripada Baker McKenzie; dan dengan input daripada Jawatankuasa Sainifik, Jawatankuasa Kehormat, Kumpulan Penasihat Kanak-kanak dan Belia, dan mesyuarat persediaan serantau dan kebangsaan Kongres Dunia;*

*Menegaskan komitmen kukuh untuk mempromosi, melindungi dan memenuhi hak kanak-kanak yang termaktub di dalam Konvensyen UN mengenai Hak Kanak-Kanak dan piawaian hak kanak-kanak antarabangsa yang lain;*

*Mengimbas kembali komitmen yang dibentangkan pada Deklarasi Paris (France, Mei 2018), Deklarasi Geneva (Switzerland, Januari 2015), dan Deklarasi Lima (Peru, November 2009) daripada tiga Kongres Dunia yang sebelumnya dengan tumpuan terhadap topik yang merangkumi keadilan untuk kanak-kanak, keadilan pemuliharaan dan mengukuhkan sistem keadilan kanak-kanak;*

**Menyokong cadangan dan tindakan-tindakan yang telah ditetapkan dalam Seruan Bertindakbagi Keadilan Untuk kanak-kanak (September 2019) oleh Pathfinders for Peaceful, Just and Inclusive Societies berhubung dengan Matlamat Pembangunan Lestari 16 , dibangunkan dan disokong oleh pelbagai pertubuhan antara kerajaan dan pertubuhan masyarakat sivil dan insitusi akademik pada peringkat antarabangsa, serantau dan kebangsaan ;**

**Menyedari kepentingan untuk menekankan semula tuntutan-tuntutan yang telah dibuat oleh kanak-kanak dan belia dalam kenyataan mereka dalam Kongres Dunia sebelumnya (France, May 2018); kepentingan panduan yang telah ditetapkan dalam Kajian Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Kanak-Kanak Yang Telah Dilucutkan/Dirampas Kebebasan (november 2019); Impak COVID-19 terhadap akses kanak-kanak kepada sistem keadilan yang telah ditumpukan dalam Taklimat Dasar Ringkas PBB: Impak COVID-19 terhadap Kanak-Kanak (April 2020) dan Nota Teknikal antara agensi: COVID-19 dan Kanak-kanak yang telah dilucutkan/dirampas kebebasan (Apri; 2020); pengajaran yang dibentangkan dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Tabung Kanak-Kanak Akses kepada sistem keadilan kanak-kanak dalam era COVID-19; Pengajaran di Lapangan (December 2020); Komitmen-komitmen yang telah dibuat oleh Ketua-Ketua negara, barisan kerajaan dan perwakilan negara anggota PBB untuk kanak-kanak dalam Deklarasi Kyoto mengenai Kemajuan Pencegahan Jenayah, Keadilan Jenayah dan Kedaulatan Undang-Undang (jepun, Mac 2021) pada acara Kongres PBB yang Keempat Belas mengenai Pencegahan dan Keadilan Jenayah;**

**Menyatakan perkara berikut:**

1. Walaupun Konvensyen PBB mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) tidak menyebut secara khusus perkataan akses kepada keadilan atau keberkesanan/remedi., konsep itu termaktub secara holistik pada keseluruhan peruntukannya, termasuk prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak untuk menerima maklumat, untuk memberikan pendapat, dan untuk didengar; hak untuk dilindungi daripada semua jenis keganasan; hak perlindungan, dan jaminan yang dimandatkan untuk kanak-kanak yang mempunyai konflik dan yang terlibat dengan undang-undang; dan langkah-langkah yang ditetapkan berhubung a perampasan/pelucutan kebebasan dan untuk pemulihan dan reintegrasi semula mangsa kanak-kanak, antara lain
2. Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat dan Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik, antara yang lain, terpakai sama rata kepada semua kanak-kanak, dan menetapkan bahawa mana-mana orang yang hak atau kebebasannya dicabuli mempunyai hak untuk mendapatkan remedi yang berkesan, dan hak ini adalah untuk ditentukan oleh pihak berkuasa kehakiman, pentadbiran atau perundangan yang kompeten , atau oleh mana-mana pihak berkuasa berwibawa lain yang diperuntukkan oleh sistem perundangan negara;
3. Bahawa prinsip tiada diskriminasi merupakan tiang asas CRC dan berfungsi sebagai asas untuk pelbagai instrumen antarabangsa, wilayah dan kebangsaan;
4. Bahawa Negara Anggota PBB di Perhimpunan Agung PBB telah mengakui akses sama rata kepada keadilan sebagai hak asas, termasuk untuk kanak-kanak, dan memastikan akses yang sama kepada keadilan untuk semua dan menamatkan keganasan terhadap

kanak-kanak merupakan elemen teras Agenda Pembangunan Mampan 2030, dalam Matlamat khusus 16 ;

5. Bahawa kanak-kanak dipaksa untuk menggalas tanggungjawab masyarakat yang gagal, termasuk sebarang bentuk keganasan yang tidak terkira yang ditujukan kepada mereka baik di dalam mahupun di luar konteks keadilan, yang memberi impak tidak seimbang kepada kanak-kanak dan menghalang usaha untuk mencegah dan bertindak kepada situasi dan faktor risiko yang menyebabkan kanak-kanak terlibat dengan undang-undang, sama ada sebagai mangsa/yang terselamat, pesalah yang didakwa atau disabitkan kesalahan, kombinasi kedua-duanya, atau dalam sebarang status;
6. Bahawa pandemik COVID-19 telah memburukkan lagi ketidaksamaan sosial sedia ada dan seterusnya melemahkan atau melumpuhkan sepenuhnya keadilan kanak-kanak yang sememangnya rapuh dan sistem perlindungan dan perkhidmatan, dan masalah ini diburukkan lagi dengan pelbagai krisis kontemporari dan berterusan, termasuk krisis iklim dan persekitaran, tekanan geopolitik dan konflik bersenjata, krisis ekonomi, dan kecemasan kemanusiaan yang lain, yang memerlukan pembinaan rangka berdaya tahan, sistem, dan pendekatan untuk membolehkan akses yang mampan kepada semua kanak-kanak;
7. Bahawa dunia semakin lama menyaksikan kanak-kanak dan belia muda diperkasakan di barisan hadapan gerakan nasional dan global menuntut keadilan sosial, jantina, kaum, iklim dan politik sementara berjaya mengalihkan perdebatan dan pengaruhi pembaharuan sistem keadilan ;
8. Bahawa ketiadaan diskriminasi dan ketidaksamaan dalam sistem keadilan kanak-kanak dan dalam penyampaian akses kepada keadilan akan memberikan manfaat kepada semua kanak-kanak, tanpa mempedulikan siapa mereka, di mana mereka berasal, atau dalam situasi apa mereka berada;
9. Bahawa kanak-kanak yang terlibat dengan undang-undang mempunyai hak yang sama seperti kanak-kanak yang lain, yang memerlukan penghormatan dan perlindungan yang sama rata dan saksama terhadap hak dan kesejahteraan mereka, dengan kepekaanterhadap kelemahan dan keperluan tertentu yang dihadapi oleh setiap kanak-kanak dan pengiktirafan terhadap evolusi keupayaan mereka
10. Bahawa adalah penting bagi sistem yang mengawal bidang keadilan, perlindungan kanak-kanak dan kebajikan, perlindungan sosial, pendidikan, dan kesihatan, antara yang lain meneruskan penyelarasan pelbagai disiplin dan bekerjasama untuk menangani kes-kes mengenai kanak-kanak yang terlibat dengan undang-undang dalam apa bentuk juasecara holistik dan berkesan;

***Menghormati suara kanak-kanak dan belia muda berikut yang dihimpunkan oleh Kumpulan Penasihat Kanak-Kanak dan Belia Kongres Dunia:***

11. Kami merupakan kumpulan kanak-kanak dan orang muda yang mementingkan hak kanak-kanak yang terlibat dengan sistem keadilan, terutamanya disebabkan ramai di antara kami pernah berada di dalam sistem ini secara langsung, dan berdasarkan pengalaman kami, kami merasakan bahawa:

- a. Diskriminasi antara generasi dan ketidaksamaan ekonomi merupakan punca utama kanak-kanak terlibat dengan undang-undang
  - b. Kanak-kanak yang terlibat dengan undang-undang menghadapi pelbagai bentuk kesukaran, termasuk keganasan domestik, penganiayaan dalam keluarga, dan pengecualian daripada pendidikan, yang mana boleh memberikan impak besar kepada kesihatan mental kanak-kanak;
  - c. Sistem keadilan tidak mengutamakan hak kanak-kanak, yang menyebabkan ramai kanak-kanak berasa terdedah, diabaikan, dan trauma daripada penglibatan mereka dengan sistem keadilan;
  - d. Sistem keadilan jenayah juga terlalu memfokuskan kepada hukuman dan kesalahan, dan bukannya pemuliharaan dan pemulihan keamanan;
12. Kami percaya bahawa kanak-kanak adalah warga dunia hari ini dan pemimpin hari esok, dan kami meminta orang dewasa untuk mengiktiraf perkara ini dan memperkasakan kanak-kanak dengan pengetahuan tentang hak-hak mereka;
13. Untuk mencipta perubahan sebenar untuk kanak-kanak yang terlibat dalam sistem keadilan, kami menyeru kerajaan dan pertubuhan masyarakat sivil bekerjasama dengan kanak-kanak dan orang muda untuk memastikan kesemua hak kanak-kanak, seperti yang dinyatakan dalam undang-undang antarabangsa, dipenuhi untuk setiap kanak-kanak di seluruh dunia;
14. Khususnya, kami meminta bahawa:
- a. Semua kanak-kanak diberikan akses sama rata kepada keadilan dalam cara yang inklusif dan tidak mendiskriminasikan dalam apa-apa sebab;
  - b. Kanak-kanak diberikan kebebasan untuk berkongsi pendapat mereka dan mengambil serius mengenai pandangan mereka;
  - c. Kapasiti kanak-kanak untuk membuat keputusan mengenai kehidupan mereka sendiri diiktiraf, dan mereka menerima sokongan sewajarnya daripada orang dewasa;
  - d. Kanak-kanak diberikan maklumat dan panduan tentang bagaimana untuk menangani ketidakpastian dan detik krisis dengan baik, sama seperti keadaan pandemik;
  - e. Kanak-kanak yang terlibat dengan undang-undang dilayan dengan cara yang berperikemanusiaan, di mana hak mereka dihormati, dan mengamalkan pendekatan holistik untuk kesihatan mental dan kesejahteraan mereka;
  - f. Orang muda yang terlibat dengan undang-undang yang telah melebihi usia kanak-kanak diberikan peruntukan sama seperti kanak-kanak;
  - g. Kanak-kanak dan golongan muda diberikan peluang untuk belajar dan melibatkan diri dalam proses pemuliharaan;

- h. Kanak-kanak dan golongan muda disokong untuk menuntut hak-hak mereka, yang merupakan kunci untuk memulihkan kepercayaan dalam sistem keadilan;
15. Kami percaya bahawa keadilan sebenar untuk dan dengan kanak-kanak boleh dicapai apabila semua kanak-kanak dilayan sama rata dan diberikan peluang untuk bekerjasama dengan orang dewasa untuk memenuhi janji dalam hak manusia;

Oleh itu, kami sebagai penganjur, rakan kongsi dan peserta Kongres Dunia, secara kolektif memanggil kesemua semua pihak berkepentingan yang berkaitan, termasuk Negara - negaradan masyarakat sivil, untuk:

### **Kesedaran Sebenar Keadilan Bersama Kanak-Kanak, pada hari ini dan juga esok**

16. Kerjasama , antara kanak-kanak dan orang dewasa, untuk mencapai akses sama rata, tiada diskriminasi dan inklusif untuk keadilan bagi semua kanak-kanak di seluruh dunia, dengan bekerjasama dengan kanak-kanak sebagai pakar dan pemain utama dalam mengejar perubahan positif, termasuk merangka keadilan kanak-kanak yang lazim dan akses kepada keadilan, pembinaan dan pembaharuan rangka kerja undang-undang dan peraturan sistem operasi dan pelaksanaan prosedur, dan pembinaan kapasiti pihak relevan, dan penguatkuasaan kebertanggungjawaban pelaksana tugas, komuniti dan masyarakat yang luas;
17. Menambahbaikkan persekitaran yang membolehkan kanak-kanak sebagai pemegang hak untuk bertindak sebagai agen pengubah, dan memperkasakan suara mereka pada saat ini dan pada masa hadapan,, dengan memberikan panduan dan maklumat yang mesra kanak-kanak, sensitif terhadap gender, dan inklusif terhadap kanak-kanak kurang upaya, mengenai undang-undang dan prosedur undang-undang, meningkatkan kefahaman awam mengenai hak kanak-kanak untuk kanak-kanak dan orang dewasa, meneruskan komunikasi yang disasarkan untuk kanak-kanak dengan cara yang paling efektif untuk mendekati kanak-kanak, dan memastikan pendekatan penyertaan yang inklusif dan boleh diakses untuk kanak-kanak dari semua latar belakang dan situasi, termasuk semua kanak-kanak yang terlibat dengan undang-undang;
18. Memandatkan penyertaan kanak-kanak dalam undang-undang dan menguatkuasakan undang-undang ini untuk memastikan kanak-kanak duduk di meja, dan bukan sahaja menggalakkan penyertaan kanak-kanak dan melibatkan diri dengan kanak-kanak secara pasif dan semata-mata sebagai subjek perundingan, terutamanya kepada kumpulan kanak-kanak yang terlibat dengan undang-undang yang sering dikecualikan daripada perbincangan disebabkan diskriminasi, peminggiran, kelemahan, atau situasi genting yang mereka hadapi;

### **Akses inklusif kepada keadilan untuk kanak-kanak tanpa diskriminasi**

19. Mengetengahkan konsep ketidaksamaan dan diskriminasi dalam mana-mana perbincangan dan reformasi berkenaan keadilan kanak-kanak, dan menyediakan penyelesaian secara praktikal untuk menghapuskan diskriminasi atas mana-mana sebab

untuk semua kanak-kanak yang terlibat dengan undang-undang, dalam cara yang mengelakkan perlabelan negatif dan kesan stigma;

20. Memastikan akses yang sama rata dan saksama kepada keadilan untuk semua kanak-kanak, terutamanya mereka daripada kumpulan terpinggir, dengan cara yang holistik merangkumi keadilan jenayah, sivil, pentadbiran, tradisional/adat, peralihan dan sosial;
21. Membangunkan dan menggunakan umur yang sesuai ,inklusif terhadap kanak-kanak kurang upaya, responsif terhadap gender, dan berasaskan keperluan dan hak keadilan prosedur dan kemudahan untuk semua kanak-kanak yang terlibat dengan undang-undang mengikut konteks dan berasaskan kepada neuro-, pembangunan dan sains tingkah laku;
22. Melaksanakan langkah-langkah yang menghormati dan menangani kepelbagaian budaya dan bahasa setiap kanak-kanak yang terlibat dengan undang-undang;
23. Menubuhkan servis berasaskan komuniti dan langkah-langkah yang tidak melibatkan pemejaraan yang dilaksanakan secara kreatif dengan komuniti sendiri dan boleh dicapai secara universal kepada kanak-kanak dalam cara yang tidak diskriminasi dan inklusif;
24. Meneruskan dan mengukuhkan pengumpulan dan penilaian data di peringkat nasional dan subnasional untuk memahami cara kanak-kanak pribumi, minoriti dan terpinggir terlibat dengan undang-undang, bagaimana akses mereka terhadap keadilan dihalang, dan punca utama perlakuan berbeza yang negatif terhadap kanak-kanak ini oleh sistem keadilan, untuk mengelakkan perwakilan mereka yang berlebihan dalam sistem dan untuk membangunkan intervensi yang betul, berkesan dan mampan;
25. Menjamin - komitmen politik peringkat tinggi terhadap sistem keadilan kanak-kanak yang tidak berdiskriminasi dan inklusif dan keadilan yang sama untuk kanak-kanak, dengan pelaburan masa dan sumber yang sesuai, mencukupi dan saksama dan pembinaan kapasiti yang rapi bagi semua pihak berkepentingan yang berkaitan dengan kanak-kanak;

### **Akses berdaya tahan kepada keadilan kanak-kanak dalam menghadapi krisis dan pandemik**

26. Mengamalkan asas undang-undang dan dasar untuk proses dan prosedur keadilan yang inovatif dan berdaya tahan untuk kanak-kanak semasa dalam konteks kecemasan dan bukan kecemasan untuk membolehkan akses yang mampan kepada keadilan kepada semua kanak-kanak;
27. Mempertimbangkan pelaksanaan mahkamah dalam talian, pendengaran, temuduga, pengurusan kes dan maklumat, dan prosedur lain, dalam cara yang menjamin perlindungan prosedur, dan dibangunkan berdasarkan amalan efektif yang telah diuji, dengan pertimbangan untuk jurang digital dan geografi, kemudahan dan inklusif, keselamatan dan privasi, kerahsiaan dan tahap persetujuan dan penyelesaian kanak-kanak ;

29. Memulakan dan melaksanakan protokol yang jelas untuk kerjasama diantara agensi dan pelbagai sektor dalam perancangan dan respons kecemasan/krisis, dan memastikan badan utama dalam perlindungan kanak-kanak dan sistem keadilan dianggap sebagai servis utama yang dibolehkan dan diutamakan untuk beroperasi semasa waktu pandemik atau kecemasan ;Membina kapasiti pihak yang berkenaan dalam sistem keadilan secara berterusan agar mereka bersedia untuk menggunakan dan memanfaatkan langkah-langkah dan panduan dengan cepat dan efektif dan berupaya untuk mengadaptasikannya dalam situasi genting dan dalam krisis
30. Membangunkan bahan maklumat yang mesra kanak-kanak, sensitif terhadap gender dan inklusif terhadap kanak-kanak kurang upaya mengenai kaedah untuk mengatasi impak dan ketidakpastian krisis dan pandemik berkaitan hak kanak-kanak dan peluang untuk mengakses sistem keadilan.

### **Akses mesra kanak-kanak kepada semua kanak-kanak yang terlibat dengan undang-undang**

31. Menjalankan pendekatan multidisiplin dalam mengakses sistem keadilan untuk kanak-kanak berdasarkan penyelarasan lancar diantara sektor dan pihak-pihak, dalam cara yang meminimumkan penglibatan kanak-kanak yang tidak sepatutnya dalam sistem keadilan ;
32. Menyediakan perkhidmatan keadilan dan sosial yang mesra kanak-kanak, responsif terhadap gender, inklusif terhadap kanak-kanak kurang upaya,, trauma, dan bersesuaian dengan konteks, maklumat dan bantuan undang-undang dan bukan undang-undang sesuai yang lain kepada semua kanak-kanak yang terlibat dengan undang-undang dalam mana-mana bentuk, untuk memenuhi keperluan individu kanak-kanak, identiti dan latar belakang, situasi dan tahap kematangan;
33. Memastikan penyediaan kesihatan mental dan sokongan psikososial yang boleh diakses untuk membantu kanak-kanak yang terlibat dengan undang-undang dan keluarga mereka untuk menghadapi, menyesuaikan diri dan berubah dalam menghadapi sesuatu situasi khusus mereka
34. Mengenal pasti dan melaksanakan kaedah yang berkesan untuk intervensi awal, sokongan dan pengukuhan keluarga yang holistik dan komprehensif, dan pembinaan komuniti melalui pengukuhan skim dan perkhidmatan perlindungan sosial, untuk mengganggu laluan yang membawa i kanak-kanak untuk terlibat dengan undang-undang, untuk mencegah dan meminimumkan risiko yang boleh membawa kepada tingkah laku kesalahan atau kesalahan semula, dan membolehkan kanak-kanak menjalani zaman kanak-kanak biasa yang bebas daripada keganasan dan kelemahan yang tidak wajar;
35. Mengutamakan keadilan pemulihan, *diversion*, pemulihan, dan penyepaduan semula untuk semua kanak-kanak yang terlibat dengan undang-undang melalui pendekatan pengurusan kes yang komprehensif, diselaraskan dan disesuaikan, bukannya intervensi secara terasing dan umum;

36. Dekriminalisasikan tingkah laku kanak-kanak yang harus dan boleh ditangani dengan lebih efektif oleh sistem yang terlibat dalam perlindungan kanak-kanak, kesihatan, kesihatan mental dan sokongan psikososial, antara yang lain, termasuk respons alternatif pelbagai disiplin untuk kesalahan berkaitan dadah dan pembatalan kesalahan *status*; dan
37. Laksanakan latihan khusus, pembaharuan kurikulum akademik, dan memupuk inovasi penyampaian perkhidmatan untuk membina tenaga kerja abad ke-21 yang profesional dan cekap bagi pihak berkepentingan dalam sistem keadilan kanak-kanak dan perlindungan kanak-kanak serta pihak berkepentingan yang berkaitan, terutamanya pengamal undang-undang, pegawai penguatkuasa undang-undang, pendakwa raya, pegawai kehakiman, pegawai pemulihan, dan pekerja perkhidmatan sosial, mengenai topik termasuk perkembangan kanak-kanak, temu bual mesra kanak-kanak dan teknik menyoal, protokol yang betul untuk mencegah trauma semula, dan kaedah untuk mengurangkan berat sebelah tersirat.

---

## Penyokon g





---

Inisiatif Global mengenai Keadilan Bersama Kanak-Kanak merupakan program bersama yang dibangunkan oleh konsortium organisasi antarabangsa yang menganjurkan Kongres Dunia sebagai Pencapaian Global Keadilan Bersama Kanak-Kanak dan juga terlibat dan menggerakkan komuniti pengamal melalui platform dalam talian Keadilan bersama Kanak-Kanak. Ia bertujuan untuk memudahkan pembincangan kritikal dan penyelesaian berorientasikan tindakan dalam kalangan ahli profesional melalui ruang dalam talian dan luar talian untuk refleksi, dan pelajaran yang berterusan dalam bidang keadilan kanak-kanak.

**Kongres Dunia mengenai Keadilan Bersama Kanak-Kanak 2021** dicipta untuk menangani isu yang terkini berkaitan kanak-kanak yang terlibat/dan/atau berkonflik dengan undang-undang, dan ia menyediakan ruang khusus dan aktif kepada kanak-kanak dan belia muda, pembuat dasar, dan pemegang saham sistem undang-undang, ahli akademik, masyarakat sivil dan wakil PBB, dan ahli pakar dan pengamal yang lain untuk: (1) Mempromosikan sistem keadilan yang saksama dan sesuai untuk kanak-kanak di seluruh dunia; (2) Menyediakan ruang untuk ahli profesional untuk bertukar amalan terbaik, memupuk kerjasama saintifik, merumuskan cadangan dasar, dan meningkatkan kesedaran keadilan untuk kanak-kanak; dan (3) Menyokong pelaksanaan operasi instrumen antarabangsa dan standard berkaitan hak kanak-kanak dan belia muda yang terlibat dengan undang-undang.

**Kongres Dunia mengenai Keadilan Bersama Kanak-Kanak 2021** memfokuskan kepada penukaran strategi berorientasikan amalan untuk mengurangkan diskriminasi yang menjejaskan akses kepada – dan kualiti – sistem keadilan, dan untuk memastikan semua kanak-kanak dijamin layanan yang sama rata dalam undang-undang. Peserta terlibat dalam sesi pleno antarabangsa dan wilayah dan bengkel berorientasikan tindakan yang terdiri daripada perbincangan panel, latihan yang diperakui, dan mesyuarat kumpulan kerja berorientasikan dasar. Dengan tema menyeluruh “Memastikan akses kepada keadilan untuk semua kanak-kanak: ke arah sistem tidak berdiskriminasi dan inklusif”, 11 sub tema telah diutamakan semasa Kongres Dunia:

- Rasisme sistemik dan jenayah ketidakseimbangan kanak-kanak daripada orang asli, etnik dan kumpulan minoriti yang lain;
- Diskriminasi disebabkan jantina, orientasi seksual dan identiti gender: mendorong pendekatan keadilan gender
- Diskriminasi yang dialami oleh kanak-kanak dan golongan muda yang terjejas akibat penghijrahan, termasuk pelarian, kanak-kanak asing tanpa penjaga, dan anak kepada ibu bapa warga asing;
- Diskriminasi disebabkan kehilangan upaya dan keadaan kesihatan;
- Diskriminasi disebabkan penggunaan dan penyalahgunaan bahan;
- Jenayah tingkah laku dalam talian kanak-kanak;
- Had umur dan status kesalahan;
- Memastikan suara kanak-kanak didengari dalam sistem keadilan kanak-kanak;
- Memenuhi hak-kanak-kanak dalam konteks pluralisme undang-undang;
- Membina sistem keadilan kanak-kanak berdaya tahan pada masa krisis dan pandemik, dan
- Menangani keganasan dalam sistem keadilan kanak-kanak dan memastikan pendekatan mesra kanak-kanak untuk mangsa kanak-kanak, pesalah dan saksi.

Deklarasi Global Keadilan Bersama Kanak-Kanak telah digubal oleh Konsortium Kongres Dunia dan Pertubuhan Penasihat Kanak-Kanak dan Belia, dengan input daripada Jawatankuasa Saintifik, rakan kongsi penganjur dan peserta Kongres Dunia dan mesyuarat persediannya.

Untuk maklumat lebih lanjut, layari [bu](#).

Dokumen ini adalah terjemahan masyarakat daripada versi asal yang dalam bahasa Inggeris. Sekiranya anda mendapati sebarang kesilapan, sila hubungi kami di [info@justicewithchildren.org](mailto:info@justicewithchildren.org)